

kenanga

Kenanga Trustees

Kenanga Wasiat Series **Plan For A Better World**

Kenanga Wasiat Series **Mengatur Rencana Untuk** **Dunia Yang Lebih Baik**



Don't let these problems cloud your family's future.

Are you prepared to protect your family's legacy and secure their future? Failing to have a Wasiat or properly manage your inheritance can lead to a host of critical issues. Illegal ownership disputes, uncleared debts to creditors, and unclaimed property can jeopardise your family's financial stability. The longer the matter remains unresolved, the more disputes can emerge, potentially causing family rifts over assets.

Purposes of Having a Wasiat

1

YOUR EXECUTOR

Choosing a trusted party to handle and manage your assets, liabilities and obligations after your lifetime can be a challenging task. Thus, appointing a licensed professional trust company can give you peace of mind.

2

YOUR GUARDIAN

(if you have a child below the legal age)

Guidelines* exist for appointing a guardian for minors. You can specify your preferred guardian in your Wasiat (subject to Court approval) to ensure your child's welfare continues to be protected if you are not around to do so.

3

YOUR DISTRIBUTION

You may gift one-third of your assets (after settling debts) to non-eligible heirs. The remaining two-thirds will follow Faraid rules. However, if your eligible heirs agree after your passing, your assets can be distributed according to your wishes.

*Each states have their own rules /enactment. For Federal territories (Kuala Lumpur, Putrajaya & Labuan) refer to the Islamic Family Law (Federal Territories) Act 1984.

Wasiat Series Solution

"It is the duty of a Muslim who has something which is to be given as a bequest not to have it for two nights without having his Wasiat written down regarding it." Sahih Al-Bukhari

Basic

Features

- Appointment of Individual Executor
- Appointment of Guardian¹
- Residuary Estate
 - ~ Option 1: 100% according to Faraid rules; or
 - ~ Option 2: Maximum 1/3 to non-Faraid heirs
- Client to self-keep the original signed Wasiat

Fees

- Wasiat Writing Fee: RM400
- Estate Admin Fee: Not applicable

Basic Plus+

Features

- Appointment of Kenanga Trustees as Professional Executor
- Appointment of Guardian¹
- Residuary Estate
 - ~ Option 1: 100% to Faraid heirs; or
 - ~ Option 2: Maximum 1/3 to non-Faraid heirs
- Lifetime Wasiat Custody by Kenanga Trustees

Fees

- Wasiat Writing Fee: RM1,500
- Estate Admin Fee: 1% of the first RM5,000,000 of the total gross estate value, thereafter 0.5% for the balance, subject to a minimum fee of RM8,000

Advanced Plus+

Features

- Appointment of Kenanga Trustees as Professional Executor
- Appointment of Guardian¹
- Five (5) Specific Gifts Clauses²
- Residuary Estate
 - ~ Option 1: 100% to Faraid heirs;
 - ~ Option 2: Maximum 1/3 to non-Faraid heirs; or
 - ~ Option 3: As per Client's wishes²
- Lifetime Wasiat Custody by Kenanga Trustees

Fees

- Wasiat Writing Fee: RM2,500
- Estate Admin Fee: 1% of the first RM5,000,000 of the total gross estate value, thereafter 0.5% for the balance, subject to a minimum fee of RM8,000

¹ Subject to respective states'/ federal territories' own Islamic Family Law legislation, which are implemented exclusively and separately from others.

² Subject to the consent of all legal heirs of the deceased Muslim upon their passing.

FAQs

(a) Who can write a Wasiat?

Any Muslims aged 18 or above and of sound mind.

(b) Who is an 'Executor'?

Executor is an individual(s) / licensed trust corporation appointed in a person's Wasiat who is responsible for handling and administering the estate matters after that person's lifetime.

(c) Who is a 'Guardian'?

The person who is responsible for a minor's upbringing, education and welfare.

(d) Who is a 'Beneficiary'?

The person who receives a gift of money/ other assets from a person who has passed on.

(e) What is 'Residuary Estate'?

It is any portion of the estate, that is not specifically gifted to someone in your Wasiat, or any property that is part of such a specific gift that fails.

(f) Who is Kenanga Trustees Berhad (formerly known as Kenanga Funds Berhad) ?

Kenanga Trustees Berhad ("Kenanga Trustees") is a registered licensed trust company, a subsidiary company of Kenanga Investors Berhad.

(g) What happens if a person passes on with a Wasiat (Testacy)?

The appointed Executor shall initiate the probate and estate administration process, starting from applying Grant of Probate from the High Court and Faraid certificate from the Syariah Court, recovery of the deceased's assets, settlement of the deceased's liabilities, debts, unpaid taxes and other testamentary expenses, then only distribute the remaining assets to the beneficiaries according to the Wasiat.

(h) What is Grant of Probate ("GP")?

A GP is the court order granted by the High Court to the appointed Executor in cases where a person has passed away leaving a Wasiat (Testacy). It empowers the Executor to carry out their duties to administer the deceased's estate matters.

(i) What is Faraid?

Faraid is a succession law for Muslims where it prescribes the portions of entitlement allocated to various legal heirs as prescribed in the Surah An-Nisa of the Quran.

(j) What is a Faraid Certificate?

An official declaration containing the description regarding the valuation of the deceased's inheritance and the entitled Muslim heirs as well as their respective parts of the inheritance after the Faraid calculations are verified and issued by the Syariah Court.

(k) What happens if a person passes on without a Wasiat (Intestacy)?

If you do not have a Wasiat at the time of your death, your estate will be distributed according to Faraid rules.

At least one administrator among the next-of-kin or even a creditor may apply for Letters of Administration and Faraid Certificate. The procedure for applying for and acquiring a Letters of Administration will involve additional expenses and a lengthier duration, generally necessitating the provision of an administration bond and the appointment of two sureties to ensure the estate's proper management. Additionally, it will require additional court orders to facilitate the transfer of real estate assets.

(l) Who can be the witnesses of my Wasiat?

Any Muslims aged 18 or above and of sound mind. For a Wasiat, it necessitates at least two (2) male Muslim witnesses, four (4) female Muslim witnesses, or one (1) male Muslim witness and two (2) female witnesses. It is advisable not to have any beneficiaries named in the Wasiat or their spouses act as witnesses.

(m) As a Muslim, can I gift away my assets in my Wasiat to any persons (not in accordance to Faraid rules)?

Yes, you could make mention such distribution in your Wasiat; however it is subject to the consent of all legal heirs upon your demise.

(n) Can my beneficiary who is still a minor receive the assets from my estate?

The minor shall only receive the assets upon attaining his/her legal age. Prior to that, the assets shall be held in trust by the Executor in the capacity of trustee and it can be utilised to support and maintain the minor's daily living, medical and educational expenses.

(o) Can my Wasiat be contested?

Yes, a Wasiat can be contested by anyone.

(p) Can I change my Wasiat at a later date?

Yes, you can re-write a new Wasiat and it will supersede the previous Wasiat.

(q) Should I let my family members know that I have a Wasiat written?

Yes, we encourage our clients to inform their family members that his/her Wasiat has been executed. If Kenanga Trustees is safekeeping your Wasiat, we encourage you to inform your family members that the Wasiat is under Kenanga Trustees' custody.

(r) What if the features of the Kenanga Wasiat Series do not fulfill my distribution plan?

Kindly reach out to Kenanga Trustees' Private Client Unit for our comprehensive and detailed Advisory Wasiat Writing Services.

How to Proceed



1. Choose

Choose your preferred Kenanga Wasiat Series Solution.



4. Confirm

Client to confirm the content of the Wasiat.



2. Submit

Complete the Kenanga Wasiat Series Application Form and transfer payment to the designated Kenanga Trustees banking account.



5. Sign

Sign the Wasiat in the presence of witnesses.



3. Prepare

Kenanga Trustees to draft and finalise the Wasiat.



6. Custody

Return the signed Wasiat to Kenanga Trustees (for Basic Plus+ and Advanced Plus+).

Reach Out

Kenanga Trustees Berhad 200301017657 (620077-K)

(Formerly known as Kenanga Funds Berhad)

T 1-800-88-3737 **E** investorservices@kenanga.com.my **W** www.kenangainvestors.com.my

DISCLAIMER

This document has been prepared by Kenanga Trustees Berhad (*formerly known as Kenanga Funds Berhad*) (Company No.: 200301017657 (620077-K)) ("KTB") for information purposes only. This document is based on information obtained from sources believed to be reliable, but KTB does not make any representations or warranties (expressed or implied), as to its accuracy or completeness and KTB will not be responsible for its inaccuracies or omissions.

The information contained in this document may contain certain forward-looking statements relating to KTB that are based on the beliefs of the management of KTB as well as assumptions made by and information currently available to the management of KTB. These forward-looking statements are, by their nature, subject to significant risks and uncertainties. Opinions, beliefs, and estimates expressed do not necessarily constitute the judgement of KTB as of the date of this document and are subject to change without notice. Each reader of this document should not place undue reliance on forward-looking statements, which is believed to be correct only as of the date of this document.

If any information herein becomes inaccurate or out of date, we are not obliged to update it. No representation or promise as to the performance or non-performance of KTB is made. This document is based on certain assumptions, information, and conditions available as at the date of this document and may be subject to change at any time without notice. Each reader is responsible for making his or her own independent assessment of the information provided in this document and should not treat the information as advice relating to legal advice, tax advice or any related matters. KTB accepts no liability whatsoever for any direct or consequential loss arising from any use of this document.

The contents, view or opinions may not be reproduced, redistributed, transmitted, or passed on, directly or indirectly, to any other person or published electronically or via print, in whole or in part, for any purpose without the consent of KTB. The intellectual properties of the contents in this document belong to KTB unless specifically indicated otherwise.

Buat Perancangan Awal, Lindungi Masa Depan Mereka Yang Tersayang.

Adakah anda bersedia untuk melindungi aset keluarga anda dan melindungi masa depan mereka? Tanpa Wasiat atau kegagalan dalam mengurus aset anda dengan betul boleh menimbulkan pelbagai isu kritikal seperti pertikaian pemilikan harta, hutang yang tidak dijelaskan dan harta peninggalan yang tidak dituntut semula oleh waris. Semakin lama isu-isu ini dibiarkan, semakin ramai waris yang akan muncul dan ini akan menimbulkan keretakan institusi kekeluargaan dan berlaku pertikaian mengenai harta pusaka arwah. Ia merupakan mimpi ngeri bagi setiap ahli keluarga.

Tujuan Penulisan Wasiat

1

Melantik Wasi Anda

Memilih Wasi yang dipercayai dan berkebolehan untuk mengendali dan mengurus aset, liabiliti dan harta pusaka selepas pemergian anda adalah amat penting. Pengurusan harta pusaka arwah merupakan satu tugas yang mencabar, justeru itu perlantikan syarikat pemegang amanah profesional berlesen sebagai Wasi profesional boleh memberikan ketenangan kepada mereka yang anda sayangi.

2

Melantik Penjaga Anda

(sekiranya mempunyai anak di bawah umur)

Perlantikan penjaga yang layak untuk anak di bawah umur tertakluk kepada perundangan tertentu*. Walau bagaimanapun, anda masih boleh melantik penjaga pilihan anda dalam Wasiat (dengan keizinan mahkamah) untuk memastikan isu-isu berkaitan dengan hak peribadi dan undang-undang anak anda yang di bawah umur dilindungi selepas kewafatan anda.

3

Menentukan Pengagihan Harta Anda

1/3 daripada aset anda (selepas ditolak semua hutang dan liabiliti) boleh diberikan kepada waris bukan Faraid, dan baki 2/3 daripada aset anda hendaklah diagihkan kepada waris mengikut hukum Faraid. Walau bagaimanapun, pemberian aset kepada benefisiari pilihan anda boleh dilakukan sekiranya kesemua waris Faraid anda bersetuju selepas kewafatan anda.

*Setiap negeri mempunyai perundangan-perundangan tentang keluarga Islam tersendiri yang dilaksanakan secara eksklusif dan berasingan dari negeri-negeri lain. Bagi Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur, Putrajaya & Labuan), ia merujuk kepada Islamic Family Law (Federal Territories) Act 1984.

Solusi Wasiat Series

Sabda Rasulullah SAW: *“Tidak berhak bagi seseorang Islam yang mempunyai sesuatu (sama ada harta banyak atau sedikit) yang mahu diwasiatkannya tidur walaupun dua malam melainkan sepatutnya wasiat itu telah sedia bertulis di sisinya.”* (Riwayat al-Bukhari)

Basic

Ciri-ciri

- Perlantikan Individu Wasi
- Perlantikan Penjaga¹
- Pemberian Baki Aset (“Baki Aset”)
 - ~ Pilihan 1: 100% mengikut hukum Faraid; atau
 - ~ Pilihan 2: Maksima 1/3 kepada waris bukan Faraid
- Wasiat asal yang telah ditandatangani hendaklah disimpan oleh Pewasiat

Fi

- Fi Penulisan Wasiat: RM400
- Fi Pelaksanaan Harta Pusaka: Tidak berkenaan

Basic Plus+

Ciri-ciri

- Perlantikan Kenanga Trustees sebagai Wasi Profesional
- Perlantikan Penjaga¹
- Pemberian Baki Aset (“Baki Aset”)
 - ~ Pilihan 1: 100% mengikut hukum Faraid; atau
 - ~ Pilihan 2: Maksima 1/3 kepada waris bukan Faraid
- Penyimpanan Wasiat Seumur Hidup oleh Kenanga Trustees

Fi

- Fi Penulisan Wasiat: RM1,500
- Fi Pelaksanaan Harta Pusaka: 1% bagi RM5,000,000 pertama bagi jumlah kasar keseluruhan nilai harta dan seterusnya 0.5% bagi baki keseluruhan nilai harta, tertakluk kepada fi minimum RM8,000

Advanced Plus+

Ciri-ciri

- Perlantikan Kenanga Trustees sebagai Wasi Profesional
- Perlantikan Penjaga¹
- Maksima 5 Pemberian Aset Khusus² (“Aset Khusus”)
- Pemberian Baki Aset (“Baki Aset”)
 - ~ Pilihan 1: 100% mengikut hukum Faraid; atau
 - ~ Pilihan 2: Maksima 1/3 kepada waris bukan Faraid
 - ~ Pilihan 3: Mengikut hasrat pelanggan²
- Penyimpanan Wasiat Seumur Hidup oleh Kenanga Trustees

Fi

- Fi Penulisan Wasiat: RM2,500
- Fi Pelaksanaan Harta Pusaka: 1% bagi RM5,000,000 pertama bagi jumlah kasar keseluruhan nilai harta dan seterusnya 0.5% bagi baki keseluruhan nilai harta, tertakluk kepada fi minimum RM8,000

¹ Tertakluk pada perundangan-perundangan tentang keluarga Islam sendiri yang dilaksanakan secara eksklusif dan berasingan daripada negeri-negeri dan Wilayah Persekutuan.

² Tertakluk pada persetujuan kesemua waris Faraid selepas anda meninggal dunia.

Soalan Lazim

(a) **Siapa yang boleh menulis Wasiat?**

Individu yang berumur 18 tahun ke atas dan berfikiran waras boleh menulis Wasiat.

(b) **Siapa itu Wasi?**

Wasi ialah individu atau pemegang amanah berlesen yang dilantik di dalam Wasiat seseorang. Tanggungjawab Wasi adalah untuk mengendalikan dan mentadbir harta pusaka selepas Pewasiat meninggal dunia.

(c) **Siapa itu Penjaga?**

Penjaga ialah individu yang dipertanggungjawabkan menjaga kebajikan, pendidikan dan kehidupan seharian kanak-kanak di bawah umur.

(d) **Siapa itu Benefisiari?**

Individu yang menerima wang atau aset daripada seseorang yang telah meninggal dunia.

(e) **Apa itu Pemberian Baki Aset?**

Pemberian Baki Aset merujuk kepada bahagian lebih harta pusaka seseorang, yang tidak diperuntukkan kepada mana-mana benefisiari secara khusus dalam Wasiat atau mana-mana pemberian aset yang tidak dapat dilaksanakan.

(f) **Siapa itu Kenanga Trustees Berhad** (*dahulunya dikenali sebagai Kenanga Funds Berhad*)?

Kenanga Trustees adalah sebuah syarikat pemegang amanah berlesen dan merupakan sebuah anak syarikat Kenanga Investors Berhad.

(g) **Apakah yang berlaku sekiranya seseorang meninggal dunia dengan Wasiat?**

Wasi yang telah dilantik dalam Wasiat tersebut akan memulakan pentadbiran harta pusaka arwah. Proses ini bermula dengan memohon Geran Probet di Mahkamah Tinggi dan Sijil Faraid di Mahkamah Syariah, pengumpulan semula semua aset arwah, menyelesaikan liabiliti dan hutang, membayar cukai yang tertangguh, menampung perbelanjaan berkaitan kematian arwah dan akhir sekali mengagihkan baki harta pusaka kepada benefisiari mengikut Wasiat.

(h) **Apa itu Geran Probet?**

Geran Probet ialah perintah mahkamah yang dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi kepada Wasi yang dilantik di dalam Wasiat. Ia memberi kuasa kepada Wasi untuk menjalankan tugas mereka dalam mentadbir harta pusaka arwah.

(i) **Apa itu Faraid?**

Faraid ialah undang-undang pengagihan harta pusaka bagi orang Islam yang meninggal dunia di mana ia menetapkan bahagian hak yang telah diperuntukkan kepada waris-waris Faraid sepertimana yang telah ditetapkan di dalam Al-Quran (Surah An-Nisa).

(j) **Apa itu Sijil Faraid?**

Sijil Faraid ialah satu akuan rasmi yang mengandungi maklumat tentang harta pusaka arwah serta bahagian hak yang akan diperolehi oleh waris-waris yang beragama Islam ke atas harta pusaka selepas pengiraan Faraid disahkan dan dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah.

(k) **Apakah yang terjadi jika seseorang itu meninggal dunia tanpa Wasiat?**

Bagi seseorang yang beragama Islam yang meninggal dunia tanpa Wasiat, harta pusaknya akan diagihkan mengikut hukum Faraid.

Sekurang-kurangnya seorang Pentadbir dalam kalangan waris atau pemiutang boleh memohon Surat Kuasa Mentadbir dan Sijil Faraid. Prosedur permohonan Surat Kuasa Mentadbir akan melibatkan perbelanjaan kos yang membebankan dan tempoh yang lebih panjang kerana Mahkamah memerlukan pelantikan dua orang penjamin dengan “Administration Bond” untuk memastikan pengurusan harta pusaka diuruskan dengan amanah oleh Pentadbir. Selain daripada itu, Pentadbir perlu memohon perintah mahkamah tambahan untuk pemindahan aset yang melibatkan hartanah.

(l) Siapakah yang boleh menjadi saksi Wasiat saya?

Individu yang beragama Islam, berumur 18 tahun keatas, dan berfikiran waras boleh menjadi saksi. Bagi Wasiat, ia memerlukan sekurang-kurangnya dua (2) saksi lelaki Islam, atau empat (4) saksi wanita Islam, atau seorang (1) saksi lelaki Islam dan dua (2) saksi Wanita Islam. Benefisiari yang dinamakan dalam Wasiat dan pasangan benefisiari tersebut tidak digalakkan untuk menjadi saksi.

(m) Sebagai seorang yang beragama Islam, bolehkah saya memberi aset dalam Wasiat saya kepada benefisiari mengikut pilihan saya (tanpa mengikut hukum Faraid)?

Ya, anda boleh menyenaraikan pemberian aset tersebut dalam Wasiat anda, namun ia tertakluk kepada persetujuan kesemua waris Faraid anda selepas anda meninggal dunia.

(n) Bolehkah benefisiari saya yang masih di bawah umur menerima aset dari harta pusaka saya?

Benefisiari yang masih di bawah umur hanya akan menerima aset apabila mencapai umur majoriti. Sebelum itu, aset tersebut akan dijaga oleh Wasi sebagai pemegang amanah dan ia boleh digunakan untuk membiayai perbelanjaan harian, perubatan dan pendidikan benefisiari tersebut.

(o) Adakah Wasiat boleh dicabar?

Ya, Wasiat boleh dicabar oleh sesiapa sahaja.

(p) Bolehkah saya menukar Wasiat saya di masa depan?

Ya, anda boleh menulis semula Wasiat baru dan ia akan menggantikan Wasiat yang sebelumnya.

(q) Perlukah saya memberitahu ahli keluarga saya bahawa saya mempunyai Wasiat dengan Kenanga Trustees?

Kami menggalakkan Pewasiat untuk memaklumkan kepada ahli keluarga mereka tentang penulisan Wasiat terutamanya jika, Wasiat disimpan oleh Kenanga Trustees melalui pakej penyimpanan Wasiat asal yang ditawarkan oleh Kenanga Trustees.

(r) Apakah penyelesaian jika Kenanga Wasiat Series tidak dapat memenuhi permintaan saya?

Penyelesaian terbaik jika Kenanga Wasiat Series tidak dapat memenuhi permintaan anda adalah dengan menghubungi Unit Pelanggan Persendirian (Private Client Unit) Kenanga Trustees untuk perkhidmatan penulisan Wasiat yang lebih terperinci, iaitu Advisory Wasiat Writing Services.

Proses



1. Pilih

Pilih Kenanga Wasiat Series yang bersesuaian.



4. Sahkan

Pelanggan perlu mengesahkan kandungan Wasiat.



2. Permohonan

Lengkapkan borang permohonan Kenanga Wasiat Series dan membuat pembayaran menggunakan akaun bank yang disenaraikan oleh Kenanga Trustees.



5. Tandatangani

Menandatangani Wasiat bersama dengan saksi-saksi.



3. Draf Wasiat

Kenanga Trustees akan menyediakan draf Wasiat.



6. Penyimpanan Wasiat

Kembalikan Wasiat asal yang telah ditandatangani kepada Kenanga Trustees (ini tertakluk kepada Basic Plus+ dan Advanced Plus+ sahaja).

Hubungi Kami

Kenanga Trustees Berhad 200301017657 (620077-K)

(Dahulunya dikenali sebagai Kenanga Funds Berhad)

T 1-800-88-3737 **E** investorservices@kenanga.com.my **W** www.kenangainvestors.com.my

PENAFIAN

Dokumen ini telah disediakan oleh Kenanga Trustees Berhad (*dahulunya dikenali sebagai Kenanga Funds Berhad*) (No. Syarikat: 200301017657(620077-K)) ("KTB") untuk tujuan maklumat sahaja. Dokumen ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada sumber yang kami percaya, boleh dipercayai, tetapi KTB tidak membuat sebarang pernyataan atau jaminan (dinyatakan atau tersirat), tentang ketepatan atau kesempurnaannya dan KTB tidak akan bertanggungjawab atas ketidaktepatan atau peninggalannya.

Maklumat yang terkandung dalam dokumen ini mungkin mengandungi beberapa kenyataan berpandangan ke hadapan tertentu yang berkaitan dengan KTB yang berdasarkan kepercayaan pengurusan KTB serta andaian yang dibuat oleh dan maklumat yang sedia ada kepada pengurusan KTB. Kenyataan yang berpandangan ke hadapan ini, mengikut sifatnya, tertakluk kepada risiko dan ketidakpastian yang ketara. Pendapat, kepercayaan dan anggaran yang dinyatakan tidak semestinya menjadi penghakiman KTB pada tarikh dokumen ini dan tertakluk kepada perubahan tanpa notis. Setiap pembaca dokumen ini tidak seharusnya meletakkan pergantungan yang tidak wajar pada kenyataan yang berpandangan ke hadapan, yang dipercayai betul hanya pada tarikh dokumen ini.

Jika sebarang maklumat di sini menjadi tidak tepat atau ketinggalan zaman, kami tidak diwajibkan untuk mengemas kini. Tiada representasi atau janji tentang prestasi atau tidak prestasi KTB dibuat. Dokumen ini adalah berdasarkan andaian, maklumat dan syarat tertentu yang tersedia pada tarikh dokumen ini dan mungkin tertakluk kepada perubahan pada bila-bila masa tanpa notis. Setiap pembaca bertanggungjawab untuk membuat penilaian bebas sendiri terhadap maklumat yang diberikan dalam dokumen ini dan tidak seharusnya menganggap maklumat tersebut sebagai nasihat berkaitan undang-undang, cukai atau sebarang perkara berkaitan. KTB tidak menerima sebarang liabiliti untuk sebarang kerugian langsung atau berbangkit yang timbul daripada sebarang penggunaan dokumen ini.

Kandungan, pandangan atau pendapat tidak boleh diterbitkan semula, diedarkan semula, dihantar, atau diserahkan, secara langsung atau tidak langsung, kepada mana-mana orang lain atau diterbitkan secara elektronik atau melalui cetakan, secara keseluruhan atau sebahagian, untuk sebarang tujuan tanpa kebenaran KTB. Harta intelek bagi kandungan dalam dokumen ini adalah milik KTB melainkan dinyatakan sebaliknya.

kenanga

Kenanga Trustees